

**BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN**  
**TARIKH: 28 SEPTEMBER 2021**  
**(SELASA)**

## **MOSTI sedia 50 peratus dana untuk R&D**

Rafidah Mat Ruzki - September 28, 2021 @ 12:46pm  
fidahruzki@bh.com.my



Dr Adham ketika majlis mengumumkan Penerima Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2021 secara maja, anjuran Akademi Sains Malaysia, hari ini. FOTO NSTP

**PUTRAJAYA:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperuntukkan sekurang-kurangnya 50 peratus dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi aktiviti penyelidikan pra-pengkomersialan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia susulan penghasilan produk dan perkhidmatan mempunyai nilai tambah di negara ini masih rendah berbanding negara berinovasi tinggi.

Katanya, Malaysia ketika ini hanya membelanjakan sekitar 24.5 peratus untuk aktiviti penghasilan prototaip, perintis dan peningkatan produk.

"Jika kita bandingkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam bidang R&D Malaysia dengan negara maju, terdapat ruang dan peluang luas untuk negara memacu ekonomi inovatif lebih unggul.

"Di negara lain yang berinovasi tinggi, mereka membelanjakan lebih 50 peratus (KDNK) untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan mempunyai nilai tambah," katanya pada majlis mengumumkan Penerima Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2021, secara maja, hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Profesor Datuk Dr Asma Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Hazami Habib.

TRSM adalah inisiatif ASM bagi mengiktiraf saintis yang aktif dan cemerlang dalam Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

Pada program berkenaan, seramai 22 saintis dalam pelbagai bidang kepakaran diiktiraf atas sumbangan signifikan serta pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan sains, teknologi dan inovasi (STI).

Sementara itu, Dr Adham berkata, negara yang berpaksikan inovasi juga mempunyai lebih 40 peratus penyelidik dalam sektor industri berbanding hanya 15.83 peratus penyelidik di Malaysia,

Katanya, berdasarkan kepada data UNESCO Institute of Statistics Database, 79.2 peratus penyelidik pula berada di institusi pengajian tinggi.

Justeru, beliau berkata, bagi mengatasi jurang itu, MOSTI sedang mengkaji mekanisme yang bersesuaian untuk mempertingkatkan peratusan penyelidik di sektor industri termasuk melalui inisiatif Pertukaran Penyelidik Saintifik Industri (RISE)

Dr Adham berkata, RISE membolehkan penempatan penyelidik di industri bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi bagi meningkatkan produktiviti.